

SIARAN MEDIA

KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SELANGOR 2025: 266 GRADUAN KOLEJ KOMUNITI SELAYANG DIRAI

BANGI, 26 Ogos 2025 – Seramai 266 graduan Kolej Komuniti Selayang diraikan dalam majlis berprestij Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Selangor 2025 yang berlangsung dengan penuh meriah di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi, Selangor.

Majlis konvokesyen ini dianjurkan dalam dua sidang utama bagi meraikan graduan daripada pelbagai program pengajian dan latar belakang. Sidang Pertama pada sebelah pagi telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK). Manakala, Sidang Kedua pada sebelah petang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ar. IDr. Zulkhairi bin Md Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM).

Konvokesyen kali ini turut menampilkan pengiktirafan khas kepada graduan yang cemerlang dalam bidang keusahawanan melalui Anugerah Usahawan Harapan Kolej Komuniti Negeri Selangor. Anugerah tersebut telah disandang oleh Nur Aleeya Natasha binti Nasarudin, graduan Sijil Pastri Kolej Komuniti Selayang, yang turut meraih Anugerah Pelajar Cemerlang sebagai pengiktirafan atas potensinya dalam dunia keusahawanan muda. Kini, Nur Aleeya Natasha mengusahakan perniagaan pastri dengan pendapatan lima angka, sekali gus membuktikan kemampuan graduan kolej komuniti untuk menyerlah dalam bidang perniagaan.

Majlis turut diselubungi suasana hiba apabila mengenang pemergian Allahyarhamah Anis Balqis binti Mazrin, pelajar Sijil Pastri yang telah kembali ke rahmatullah pada 27 April 2025. Bagi pihak Allahyarhamah, skrol konvokesyen telah diterima oleh kakaknya, Puan Athirah Sorfina binti Mazrin. Puan Athirah menzahirkan rasa syukur dan bangga atas penghormatan tersebut yang

menjadi simbol kejayaan Allahyarhamah serta kenangan abadi yang terus memberi inspirasi kepada seluruh warga kolej komuniti.

Secara keseluruhannya, Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Selangor 2025 bukan sahaja meraikan pencapaian akademik para graduan, malah memperlihatkan komitmen berterusan kolej komuniti dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi, berdaya saing serta berjiwa keusahawanan, seiring dengan aspirasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Pada edisi tahun ini, seramai 1,186 graduan diraikan daripada rangkaian 10 kolej komuniti induk dan sebuah kolej cawangan di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kolej komuniti terus memainkan peranan penting dalam menyediakan akses pendidikan serta latihan teknikal kepada masyarakat setempat, selain menyokong pembangunan komuniti dan memperkasa ekonomi negara melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ayob Hassan

Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat

Kolej Komuniti Selayang

012-2291402



**Anugerah Usahawan Harapan
Kolej Komuniti Negeri Selangor**
Nur Aleeya Natasha binti Nasarudin
Sijil Pastri
Kolej Komuniti Selayang



Graduan Majlis Konvokesyen Kolej
Komuniti Negeri Selangor 2025



YBhg. Dato' Ar. IDr. Zulkhairi bin Md
Zain, Pengerusi Jawatankuasa
Pendidikan, Pertubuhan Akitek
Malaysia (PAM) bersama Pengarah-
Pengarah Kolej Komuniti Negeri
Selangor

Pautan Gambar -

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/13DQDsD_vdo4pAN902xhECeHvGTc_5x02